

Modul Pembelajaran Kendiri – Penyata Penyesuaian Bank
Soalan Percubaan SPM Prinsip Perakaunan 2012 - Negeri Perak

4. Salimah adalah pemilik Perniagaan Sally, mendapati baki akhir Penyata Bank bagi bulan Jun 2012 adalah berbeza dengan baki akhir Buku Tunai pada tarikh yang sama iaitu:

| | RM | |
|-------------------|-------|----------|
| Baki Penyata Bank | 2 700 | (Kredit) |
| Baki Buku Tunai | 1 345 | (Kredit) |

Setelah Penyata Bank dan Buku Tunai dibandingkan, didapati perbezaan itu disebabkan oleh perkara-perkara berikut:

- (i) Bayaran RM35 telah dicaj oleh bank untuk buku cek.
- (ii) Cek-cek berikut telah dikeluarkan tetapi belum dikemukakan kepada bank:

| Butir | No. Cek | RM |
|-----------------|---------|--------|
| Sewa kedai | 321550 | 2 640 |
| Pemiutang Rizal | 321560 | 10 780 |
| Maju Enterprise | 321570 | 5 860 |

- (iii) Dividen diterima dari Salam Berhad berjumlah RM1 800 telah dicatat di Penyata Bank tetapi belum dicatatkan di Buku Tunai.
- (iv) Cek bernombor 128900 berjumlah RM2 430 yang diterima dari penghutang Lim telah dipulangkan oleh pihak bank tetapi belum direkod dalam Buku Tunai.
- (v) Cek-cek berikut belum lagi didepositkan ke akaun bank :

| Butir | No.Cek | RM |
|--------------------|--------|-------|
| Penghutang Izzah | 560009 | 4 500 |
| Perniagaan Selesa | 432220 | 3 200 |
| Kencana Enterprise | 888900 | 450 |
| Perniagaan Budiman | 388870 | 1 500 |

- (vi) Arahan tetap untuk bayaran insurans kedai berjumlah RM3 600 belum dicatat dalam Buku Tunai.
- (vii) Perniagaan Sally telah men depositkan cek penghutang Kumar berjumlah RM4 551 ke dalam bank tetapi telah dicatatkan sebagai RM4 451 dalam Buku Tunai.
- (viii) Cek bernilai RM670 kepada Jason Trading telah tersalah catat di sebelah debit Buku Tunai.
- (ix) Bank telah mengenakan bayaran perkhidmatan sebanyak RM80.

Anda dikehendaki:

- (a) Mengemaskinikan Buku Tunai pada 30 Jun 2012.
- (b) Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 30 Jun 2012.
- (c) Nyatakan **dua** tujuan penyediaan Penyata Penyesuaian Bank.

Langkah menjawab:

LANGKAH 1: Pelajar perlu menyusun semula setiap butiran i – ix ke dalam Buku Tunai dan Penyata Bank untuk memudahkan pelajar melihat kedudukan setiap butiran tersebut, seterusnya membantu menjawab soalan. Jadi **lakarkan semula format** Buku Tunai dan Penyata Bank secara ringkas seperti di bawah:

| Buku Tunai | | |
|-------------------|------------------|-------------------|
| + (terima) | | - (bayar) |
| Penyata Bank | | |
| | Dt. | Kt. |
| | - (bayar) | + (terima) |

LANGKAH 2: Tentukan **kedudukan** butiran i – ix sama ada di Buku Tunai atau Penyata Bank. Kita akan rujuk satu persatu.

- i) Bayaran RM35 telah dicaj oleh bank untuk buku cek.
 - Butiran ini ialah **pembayaran** di Penyata Bank (**Penyata Bank – Debit**)

| Penyata Bank | | |
|-----------------|-----------|-----|
| Buku cek | Dt. | Kt. |
| | 35 | |
| | - | + |

- ii) Cek-cek berikut telah dikeluarkan tetapi belum dikemukakan kepada bank:

| Butir | No. Cek | RM |
|-----------------|---------|--------|
| Sewa kedai | 321550 | 2 640 |
| Pemiutang Rizal | 321560 | 10 780 |
| Maju Enterprise | 321570 | 5 860 |

- Butiran ini ialah **pembayaran** di Buku Tunai (**Buku Tunai – Kredit**)

| Buku Tunai | | | | | | | |
|-----------------|--|------------|-------|-----------------|--------|-----------------|-------|
| | <table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 80%; text-align: left;">Sewa kedai</td> <td style="text-align: right;">2 640</td> </tr> <tr> <td style="text-align: left;">Pemiutang Rizal</td> <td style="text-align: right;">10 780</td> </tr> <tr> <td style="text-align: left;">Maju Enterprise</td> <td style="text-align: right;">5 860</td> </tr> </table> | Sewa kedai | 2 640 | Pemiutang Rizal | 10 780 | Maju Enterprise | 5 860 |
| Sewa kedai | 2 640 | | | | | | |
| Pemiutang Rizal | 10 780 | | | | | | |
| Maju Enterprise | 5 860 | | | | | | |
| + | - | | | | | | |

- iii) Dividen diterima dari Salam Berhad berjumlah RM1 800 telah dicatat di Penyata Bank tetapi belum dicatatkan di Buku Tunai.

- Butiran ini ialah **penerimaan** di Penyata Bank (**Penyata Bank – Kredit**)

| Penyata Bank | | |
|-------------------------------|-----|-------------|
| | Dt. | Kt. |
| Buku cek | 35 | |
| Dividen – Salam Berhad | | 1800 |
| | - | + |

- iv) Cek bernombor 128900 berjumlah RM2 430 yang diterima dari penghutang Lim telah dipulangkan oleh pihak bank tetapi belum direkod dalam Buku Tunai.

- Butiran ini ialah cek tak layan, **penerimaan** di Buku Tunai (**Buku Tunai – Debit**)

| Buku Tunai | | | |
|-----------------------|-------------|-----------------|--------|
| Penghutang Lim | 2430 | Sewa kedai | 2 640 |
| | | Pemiutang Rizal | 10 780 |
| | | Maju Enterprise | 5 860 |
| | + | | - |

- v) Cek-cek berikut belum lagi didepositkan ke akaun bank :

| Butir | No.Cek | RM |
|--------------------|---------------|-----------|
| Penghutang Izzah | 560009 | 4 500 |
| Perniagaan Selesa | 432220 | 3 200 |
| Kencana Enterprise | 888900 | 450 |
| Perniagaan Budiman | 388870 | 1 500 |

- Butiran ini ialah **penerimaan** di Buku Tunai (**Buku Tunai – Debit**)

| Buku Tunai | | | |
|---------------------------|--------------|-----------------|--------|
| Penghutang Lim | 2430 | Sewa kedai | 2 640 |
| Penghutang Izzah | 4 500 | Pemiutang Rizal | 10 780 |
| Perniagaan Selesa | 3 200 | Maju Enterprise | 5 860 |
| Kencana Enterprise | 450 | | |
| Perniagaan Budiman | 1 500 | | |
| | + | | - |

vi) Arahan tetap untuk bayaran insurans kedai berjumlah RM3 600 belum dicatat dalam Buku Tunai.

- Butiran ini ialah **pembayaran** di Penyata Bank (**Penyata Bank – Debit**)

| Penyata Bank | | |
|------------------------|-------------|------|
| | Dt. | Kt. |
| Buku cek | 35 | |
| Dividen – Salam Berhad | | 1800 |
| Insurans kedai | 3600 | |
| | - | + |

vii) Perniagaan Sally telah mendepositkan cek penghutang Kumar berjumlah RM4 551 ke dalam bank tetapi telah dicatatkan sebagai RM4 451 dalam Buku Tunai.

- Butiran ini ialah **kesilapan** di Buku Tunai (**Buku Tunai – Debit, Penyata Bank – Kredit**)

| Buku Tunai | | | |
|-------------------------|---------------|-----------------|--------|
| Penghutang Lim | 2430 | Sewa kedai | 2 640 |
| Penghutang Izzah | 4 500 | Pemiutang Rizal | 10 780 |
| Perniagaan Selesa | 3 200 | Maju Enterprise | 5 860 |
| Kencana Enterprise | 450 | | |
| Perniagaan Budiman | 1 500 | | |
| Penghutang Kumar | 4451 × | | |
| | + | | - |

| Penyata Bank | | |
|------------------------|------|---------------|
| | Dt. | Kt. |
| Buku cek | 35 | |
| Dividen – Salam Berhad | | 1800 |
| Insurans kedai | 3600 | |
| Deposit (Kumar) | | 4551 ✓ |
| | - | + |

viii) Cek bernilai RM670 kepada Jason Trading telah tersalah catat di sebelah debit Buku Tunai.

- Butiran ini ialah **kesilapan** di Buku Tunai.

| Buku Tunai | | | |
|----------------------|--------------|-----------------|--------|
| Penghutang Lim | 2430 | Sewa kedai | 2 640 |
| Penghutang Izzah | 4 500 | Pemiutang Rizal | 10 780 |
| Perniagaan Selesa | 3 200 | Maju Enterprise | 5 860 |
| Kencana Enterprise | 450 | | |
| Perniagaan Budiman | 1 500 | | |
| Penghutang Kumar | 4451 × | | |
| Jason Trading | 670 × | | |
| | + | | - |

- ix) Bank telah mengenakan bayaran perkhidmatan sebanyak RM80.
 - Butiran ini ialah **pembayaran** di Penyata Bank (**Penyata Bank – Debit**)

| Penyata Bank | | |
|-----------------------------|-----------|--------|
| | Dt. | Kt. |
| Buku cek | 35 | |
| Dividen – Salam Berhad | | 1800 |
| Insurans kedai | 3600 | |
| Deposit (Kumar) | | 4551 ✓ |
| Bayaran perkhidmatan | 80 | |
| | - | + |

Kita telah selesai melihat kedudukan butiran i – ix, jadi jawapan pelajar akan berdasarkan Buku Tunai dan Penyata Bank seperti di bawah. Perlu difahami bahawa setiap butiran ini ialah butiran yang menyebabkan perbezaan baki Buku Tunai dan baki Penyata Bank.

| Buku Tunai | | | |
|--------------------|--------|-----------------|--------|
| Penghutang Lim | 2430 | Sewa kedai | 2 640 |
| Penghutang Izzah | 4 500 | Pemiutang Rizal | 10 780 |
| Perniagaan Selesa | 3 200 | Maju Enterprise | 5 860 |
| Kencana Enterprise | 450 | | |
| Perniagaan Budiman | 1 500 | | |
| Penghutang Kumar | 4451 ✗ | | |
| Jason Trading | 670 ✗ | | |
| | + | | - |

| Penyata Bank | | |
|------------------------|------|--------|
| | Dt. | Kt. |
| Buku cek | 35 | |
| Dividen – Salam Berhad | | 1800 |
| Insurans kedai | 3600 | |
| Deposit (Kumar) | | 4551 ✓ |
| Bayaran perkhidmatan | 80 | |
| | - | + |

LANGKAH 3: Lakukan **kemaskini Buku Tunai**. Langkah mengemaskini Buku Tunai*:

1. Masukkan baki b/b Buku Tunai (hati-hati dengan debit atau kredit baki itu).
2. Betulkan kesilapan Buku Tunai.
3. Tolakkan semula cek tak layan
4. Masukkan butiran dari Penyata Bank
5. Kira baki akhir baru Buku Tunai.

*Langkah-langkah ini akan dihuraikan dengan terperinci.

1. **Masukkan baki b/b Buku Tunai** (hati-hati dengan debit atau kredit baki itu).

| Buku Tunai (kemaskini) | |
|-------------------------------|------|
| Baki b/b | 1345 |

2. **Betulkan kesilapan Buku Tunai.** Untuk kesilapan Buku Tunai, pelajar perlu membuat analisis mudah untuk menentukan jenis kesilapan tersebut.

Kesilapan 1:

| Buku Tunai | | | |
|-------------------|------|---|--|
| Penghutang Kumar | 4451 | ✗ | |

| Penyata Bank | | | |
|---------------------|--|-----|--------|
| Deposit (Kumar) | | Dt. | Kt. |
| | | | 4551 ✓ |

Kesilapannya ialah Buku Tunai terkurang tambah sebanyak RM100 (RM4551 – RM4451). Sebagai pembedaan, Buku Tunai perlu ditambah sebanyak RM100 (**Buku Tunai – Debit**) seperti berikut:

| Buku Tunai (kemaskini) | | | |
|-------------------------------|-----|----------|------|
| Penghutang Kumar | 100 | Baki b/b | 1345 |

Kesilapan 2:

| Buku Tunai | | | |
|-------------------|-----|---|--|
| Jason Trading | 670 | ✗ | |

Kesilapan ini memerlukan **Buku Tunai dikreditkan** sebanyak RM1340 (amaun dua kali ganda daripada amaun kesilapan) seperti berikut:

| Buku Tunai (kemaskini) | | | |
|-------------------------------|-----|---------------|------|
| Penghutang Kumar | 100 | Baki b/b | 1345 |
| | | Jason Trading | 1340 |

3. **Tolakkan semula cek tak layan.** Butiran cek tak layan akan dikreditkan di dalam **Buku Tunai** seperti berikut:

| Buku Tunai (kemaskini) | | | |
|-------------------------------|-----|----------------|------|
| Penghutang Kumar | 100 | Baki b/b | 1345 |
| | | Jason Trading | 1340 |
| | | Penghutang Lim | 2430 |

4. **Masukkan butiran dari Penyata Bank.** Butiran ini dimasukkan seperti berikut:

| Penyata Bank | | Dt. | Kt. |
|------------------------|--|------|------|
| Buku cek | | 35 | |
| Dividen – Salam Berhad | | | 1800 |
| Insurans kedai | | 3600 | |
| Depositi (Kumar) | | | 4551 |
| Bayaran perkhidmatan | | 80 | |
| | | - | + |

| Buku Tunai (kemaskini) | | | |
|-------------------------------|------|----------------------|------|
| Penghutang Kumar | 100 | Baki b/b | 1345 |
| Dividen – Salam Berhad | 1800 | Jason Trading | 1340 |
| | | Penghutang Lim | 2430 |
| | | Buku cek | 35 |
| | | Insurans kedai | 3600 |
| | | Bayaran perkhidmatan | 80 |
| | | | - |
| | + | | + |

Nota: Perhatikan, tambah di Penyata bank dipindahkan ke tambah di Buku Tunai dan juga sebaliknya.

5. **Kira baki akhir baru Buku Tunai.** Jawapan akhir Buku Tunai (kemaskini) adalah seperti berikut:

a) Jawapan Buku Tunai (kemaskini)

| Buku Tunai (kemaskini) | | | |
|-------------------------------|-------------|----------------------|-------------|
| Penghutang Kumar | 100 | Baki b/b | 1345 |
| Dividen – Salam Berhad | 1800 | Jason Trading | 1340 |
| | | Penghutang Lim | 2430 |
| | | Buku cek | 35 |
| | | Insurans kedai | 3600 |
| | | Bayaran perkhidmatan | 80 |
| | | | 8830 |
| Baki h/b | 6930 | Baki b/b | 6930 |
| | 8830 | | |

Sebelum pelajar menjawab soalan (b) iaitu Penyata Penyesuaian Bank, elok kita lihat semula draf Buku Tunai dan Penyata Bank yang telah kita sediakan pada **Langkah 2** sebelum ini. Pelajar bolehlah memotong semua butiran yang telah digunakan sewaktu menjawab soalan Buku Tunai (kemaskini) kerana ia tidak lagi diperlukan.

| Penyata Bank | | |
|-----------------------------------|-----------------|-------------------|
| Buku cek | 35 | Kt. |
| Dividen – Salam Berhad | | 1800 |
| Insurans kedai | 3600 | |
| Depositi (Kumar) | | 4551 ✓ |
| Bayaran perkhidmatan | 80 | |
| | - | + |

*Kesemua butiran dalam Penyata Bank tidak lagi diperlukan.

Butiran telah ditambah di Buku Tunai, bermaksud baki Buku Tunai lebih. Akan ditolak di dalam Penyata Penyesuaian Bank

| Buku Tunai | | | |
|--------------------|--------------------|-----------------|--------|
| Penghutang Lim | 2430 | Sewa kedai | 2 640 |
| Penghutang Izzah | 4 500 | Pemiutang Rizal | 10 780 |
| Perniagaan Selesa | 3 200 | Maju Enterprise | 5 860 |
| Kencana Enterprise | 450 | | |
| Perniagaan Budiman | 1 500 | | |
| Penghutang Kumar | 4451- x | | |
| Jason Trading | 670- x | | |
| | + | | - |

Butiran telah ditolak di Buku Tunai, bermaksud baki Buku Tunai kurang. Akan ditambah di dalam Penyata Penyesuaian Bank

*Butiran yang diperlukan untuk menyediakan Penyata Penyesuaian Bank ialah yang berwarna kuning.

LANGKAH 4: Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank. Jawapan bermula dengan baki Buku Tunai (kemaskini). Rujuk jawapan seperti di bawah:

b) Jawapan Penyata Penyesuaian Bank

Penyata Penyesuaian Bank pada 30 Jun 2012.

| | RM | RM |
|--|-------|--------|
| Baki kredit seperti di Buku Tunai | | (6930) |
| Tambah: | | |
| Sewa Kedai | 2640 | |
| Pemiutang Rizal | 10780 | + |
| Maju Enterprise | 5860 | |
| | | 19280 |
| | | 12350 |
| Tolak: | | |
| Penghutang Izzah | 4 500 | |
| Perniagaan Selesa | 3 200 | - |
| Kencana Enterprise | 450 | |
| Perniagaan Budiman | 1 500 | |
| | | 9650 |
| Baki kredit seperti di Penyata Bank | | 2700 |

Rujuk baki Buku Tunai (kemaskini). Oleh kerana Buku Tunai berbaki kredit, masukkan angka sebagai negatif.

Jawapan akan sama seperti maklumat di dalam soalan.

Selamat mengulangkaji